

HUKUM MAYAT YANG DISIMPAN LAMA ATAU DIKOREK SEMULA UNTUK DIJADIKAN SEBAGAI BAHAN KES DALAM MAHKAMAH

Keputusan :

1. Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri Selangor telah bersetuju memutuskan bahawa **harus** mayat yang disimpan lama atau dikorek semula untuk dijadikan bahan kes dalam mahkamah apabila terdapat sebab-sebab syarie yang mengharuskannya.
2. Dalam Islam pengebumian mayat hendaklah disegerakan, sengaja melambat-lambatkan pengebumian adalah haram. Oleh itu, mayat **tidak boleh disimpan** lama dan **hendaklah segera dikebumikan**, pihak yang bertanggungjawab menjalankan siasatan dalam kes kematian hendaklah menyegerakan siasatannya. Tindakan melambat-lambatkan siasatan sehingga menyebabkan mayat lambat dikebumikan adalah haram.
3. Manakala hukum mengorek semula mayat pada asalnya adalah tidak harus kerana menjaga kemuliaan dan kehormatan manusia. Sesungguhnya mayat boleh dikorek semula apabila terdapat **sebab-sebab syara'** yang memerlukan demikian antaranya :
 - (a) Kubur lama yang diketahui mayat-mayatnya telah reput dan menjadi tanah.
 - (b) Apabila kubur-kubur itu dicemari kotoran atau ditenggelami air yang menyebabkan mayat-mayat berada di dalamnya terseksa.
 - (c) Apabila kubur atau mayat itu masih terikat dengan hak manusia hidup, seperti terdapat harta orang yang masih hidup pada badan mayat atau di dalam kubur tersebut.
4. Keputusan ini adalah berdasarkan kepada hujah-hujah seperti berikut :
 - i. Tidak dinyatakan secara jelas di dalam al-Quran al-Karim dan hadith Nabi S.A.W mengenai hukum menyimpan lama atau mengorek semula mayat untuk dijadikan bahan kes dalam mahkamah .
 - ii. Tetapi mengikut pendapat **Abu Muhammad Abdullah bin Ahmad bin Muhamad bin Qudamah**, Pengarang **Kitab al-Mughni** (Juzuk 2 , him 391) menyatakan :

“harus mengorek semula kubur jika diyakini mayat tersebut telah hancur dan reput bolehlah ditanam mayat yang lain pula”

- iii. Oleh yang demikian , hukum menyimpan lama mayat atau mengorek semula untuk tujuan sebagai bahan kes dalam mahkamah adalah diharuskan kerana diqiaskan kepada hukum harus mengorek semula kubur dengan tujuan untuk ditanam dengan mayat yang lain . Ini juga berdasarkan perbuatan Muaz sendiri yang telah mengorek semula kubur isterinya.
- iv. Kaedah fiqh menyatakan bahawa :

Iaitu “melaksanakan sesuatu urusan pemerintahan adalah berdasarkan maslahat kepada orang ramai” supaya sesuatu perkara itu dapat diputuskan dengan adil oleh mahkamah .
- v. Berdasarkan kaedah fiqh, mayat yang disimpan lama atau dikorek perlu kepada bedah siasat (post mortem) ke atas mayat tersebut, supaya tidak timbul syak wasangka dan rasa tidak puah hati di kalangan ahli-ahli keluarga simati dan masyarakat, agar kematian seseorang itu disahkan oleh pakar perubatan bahawa ia bebas dan selamat daripada sebarang bentuk penganiayaan dan kezaliman kerana setiap perkara yang dilaksanakan pemerintah hendaklah menepati kehendak syarak iaitu menegakkan keadilan dan menghapuskan sebarang bentuk penyelewengan dan kezaliman.
- vi. Jesteru itu, pihak pemerintah yang mewakili kuasa kepada mahkamah yang membicarakan kes-kes yang melibatkan jenayah dan pembunuhan, berhak menggali semula kubur mayat yang disyaki dibunuh.
- vii. Didalam hadith Nabi s.a.w dinyatakan supaya setiap jenazah itu wajib ditanam segera, ini sebagaimana sabda Nabi s.a.w:

Bermaksud :

“Hendaklah kamu bersegera membawa jenazah, maka sekiranya jenazah tersebut seorang yang soleh, maka itu adalah satu kebaikan yang kamu telah berikan kepadanya dan sekiranya jenazah tersebut tidak soleh, maka itu adalah satu kejahatan yang kamu letakkan di atas bahu-bahu kamu”.

(Riwayat al-Bukhari dan muslim)